



Alam Maritim In The News

Media: Utusan Malaysia

Tarikh: Khamis 24 Julai, 2008

Alam Maritim hasrat tingkat jumlah kapal

KUALA LUMPUR 24 Julai - Alam Maritim Resources Bhd. berhasrat memperbesar angkatan kapal sokongan luar pantai (OSV) kepada 35 buah menjelang akhir 2010.

Pada masa ini ia mempunyai 25 buah kapal yang terdiri daripada pelbagai jenis.

Pertambahan kapasiti yang besar ini akan menjadikan kumpulan itu peserta paling terkenal sebagai penyedia pengangkutan dalam sektor hulu minyak dan gas, kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Azmi Ahmad.

"Pertambahan kapasiti yang ketara ini menandakan pencapaian Alam Maritim sebagai peneraju serta usahanya mencapai skala ekonomi dan asas pelanggan baru dalam perniagaan perkhidmatan sokongan luar pantai yang sentiasa berkembang," tegasnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, Alam Maritim yang melancarkan kapal sokongan ke-25nya, 'Setia Sakti' baru-baru ini adalah antara pemilik kapal bekalan luar pantai terbesar di negara ini.

"Peningkatan jumlah kapal Alam Maritim yang berterusan dengan disokong oleh pejabat kawasannya di Kemaman, Labuan, Dubai dan Jakarta bukan sahaja memperkasa pertumbuhan dan pembangunan industri minyak dan gas, malah juga memberikan sokongan yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggannya di peringkat global," katanya.

Selain OSV, kumpulan itu juga memiliki kelengkapan bagi perkhidmatan laut dan dasar laut seperti sistem penepuan dan terjunan udara serta kenderaan pemeriksaan dan kenderaan kelas kerja kawalan jauh (ROV).

- Bernama